

Kuim lantik ^{HM} 3/11/03

3 profesor baru

BAGI memantapkan fakultinya, Kolej Universiti Islam Malaysia (Kuim) melantik tiga profesor baru, iaitu Prof Dr Wan Chik Ibrahim, Prof Dr H A Ya'kub Matondang dan Prof Dr Jalani Sukaimi, baru-baru ini.

Dr Wan Chik, bekas kakitangan akademik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kini memegang jawatan Pensyarah Unit Bahasa Inggeris Kuim.

Berkeputusan doktor falsafah dalam bidang pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua) dari Universiti Michigan (1985) beliau mempunyai pengalaman luas dalam bidang pentadbiran melalui pembabitan dalam pertubuhan profesional peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau sudah menerbitkan lebih 250 artikel berkaitan.

Dr H A Yakub berkeputusan doktor falsafah dari IAIN Syarif Hidayatullah, Jakarta (1991) kini memegang jawatan Pensyarah Fakulti Kepemimpinan dan Pengurusan Kuim.

Berasal dari Medan, Indonesia, beliau menulis banyak artikel mengenai agama dan ilmiah seperti Tafsir Ayat- Ayat Kalam Menurut Al-Qadi Abdul Jabbar di Jakarta, Bulan Bintang, Barzakh, Jenazah Jihad, Khitbah, Taraweh dan Azhar dalam Ensiklopedi Islam.

Dr Jalani Sukaimi yang kini memegang jawatan Pensyarah Fakulti Sains dan Teknologi Kuim adalah bekas Profesor Biologi di Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI),

Berpengalaman luas dalam bidang pentadbiran, beliau berkeputusan doktor falsafah dari Universiti Reading, United Kingdom pada 1973 dan telah menghasilkan lebih 250 artikel saintifik dalam jurnal pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Malah, beliau pernah mencipta alat mekanikal seperti Supercrawler, Rambo dan Wakfoot yang boleh mengurangkan penggunaan tenaga kerja, meningkatkan produktiviti dan menjimatkan kos.



DR WAN CHIK
...Pensyarah Unit Bahasa



H A
Ya'kub
...tulis
banyak
artikel

